



KENYATAAN AKHBAR
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEJADIAN SILING RUNTUH DI BILIK PEMULIHAN UNIT RAWATAN
NEONATAL (NICU) HOSPITAL SERDANG

Kejadian siling runtuh telah berlaku di Hospital Serdang pada 14 November 2013 jam 1:15 pagi di bilik pemulihan wad NICU. Anggaran keluasan kawasan yang runtuh adalah 6 kaki x 12 kaki persegi. Walau bagaimanapun kejadian ini tidak melibatkan sebarang kecederaan serta tidak menjejaskan perkhidmatan di NICU.

Pihak Hospital dalam proses memperkukuhkan keseluruhan struktur siling hospital secara berperingkat. Kerja-kerja pengukuhan siling diselia bersama dengan pihak JKR. Mesyuarat bersama Ketua Jabatan juga telah diadakan bagi memaklumkan mengenai kerja-kerja pengukuhan siling ini. Kerja-kerja ini telah pun dimulakan dan pengukuhan siling di Aras 2 akan dilakukan pada hari yang sama.

Sekian terima kasih

Datuk Farida Mohd Ali

14 November 2013